



PdPR – Norma baru dunia pendidikan



Peningkatan kes Covid-19 saban hari telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan penutupan semua operasi langsung institusi pendidikan dan menyelaraskan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Hal ini telahpun mula dilaksanakan hampir dua tahun, bermula Oktober 2020. Walau bagaimanapun, bermula Mac 2021 pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah mula dijalankan dan PdPR disambung semula pada awal bulan Mei 2021 disebabkan wabak Covid-19 yang dilihat kian mengganas.

Secara umumnya, PdPR bermaksud proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sama ada di rumah atau di pusat

komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. Menurut manual PdPR yang disediakan oleh KPM, PdPR boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah, antaranya secara dalam talian, luar talian atau secara 'off-site' dan ianya perlulah dirancang dengan berstruktur mengikut keperluan pembelajaran dan sumber yang ada pada murid terlebih dahulu.

Pelaksanaan PdPR perlu dilakukan dalam kondisi sebegini, iaitu apabila murid tidak hadir ke sekolah dalam satu tempoh tertentu disebabkan wabak atau bencana atau sebab-sebab lain, dengan kelulusan pendaftar negeri. Selaras dengan kehendak yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan murid Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) bahawa setiap murid


hendaklah mendapat akses kepada pendidikan, bagi mencapai potensi diri untuk menghadapi kehidupan masa hadapan. Oleh itu, setiap berhak dan wajar mendapat peluang mengikuti pembelajaran meskipun mereka tidak hadir ke sekolah.

Bagi mematuhi arahan KPM, Sekolah Rendah Islam (SRI) Ummah telah pun merancang dan menyusun strategi untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara optimum. Penyusunan jadual waktu harian telah dibuat dengan memaksimumkan dua subjek sehari dengan peruntukan masa sejam untuk setiap pelajaran. Panduan pelaksanaan secara bertulis mahupun kata-kata juga diberikan kepada setiap guru di SRI Ummah dalam menentukan kaedah pelaksanaan dan penyampaian semasa PdPR. Saranan yang selalu dititikberatkan adalah pelaksanaan dan penyampaian tersebut perlulah bersifat fleksibel mengikut kemampuan dan situasi semasa guru, murid dan ibu bapa. Peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh semua pihak amatlah penting dalam memastikan pelaksanaan PdPR ini berterusan, di samping memastikan kemenjadian potensi dalam diri setiap murid sentiasa berkembang dan positif.

Anis Mardziah



**Tokoh Pendidikan:
Puan Rohana
Kamaruddin
m/s: 3**



**Pengajaran dan
Pembelajaran di
Rumah
m/s: 5**



**Sambutan 50 Tahun
ABIM
m/s: 11**

BICARA KETUA PENGARANG



Erti pengorbanan sangat dirasai ketika pandemik ini. Pengorbanan tertinggi ialah kita semua perlu mengetepikan serta menangguhkan pelbagai aktiviti harian bagi bersama-sama mengekang penularan Covid-19. Bagi pihak sekolah, sambutan untuk meraikan 50 Tahun ABIM dan 35 tahun SRI Ummah tidak dapat dilaksanakan seperti idea asal. Pengorbanan ini juga amat terkesan kepada semua guru kerana mereka terpaksa menghadap komputer sepanjang hari seperti duduk dalam kelas. Tambahan pula persediaan untuk PdPR lebih mencabar dan kompleks berbanding kaedah bersemuka. Situasi pandemik merupakan satu tempoh yang panjang dan mencabar. Persoalannya, sampai bila sekolah ditutup? Namun, kita cuba melakukan yang terbaik berhubung pendekatan yang boleh dilaksanakan mengikut keadaan semasa. Setiap orang ada posisi masing-masing untuk menghayati pengorbanan dalam ruang sebagai ahli keluarga, ahli jemaah, pekerja serta ahli masyarakat umumnya. Kita juga baru sahaja menyambut hari raya korban hujung Julai yang lalu. Ibadah korban adalah lambang semangat pengorbanan yang perlu ada pada setiap umat Islam bagi mencapai keredaan Allah S.W.T. Namun apa yang pasti erti pengorbanan ini terasa amat manis apabila sanak saudara dan sahabat handai kita terhindar dari penyakit berbahaya ini serta kehidupan menjadi normal kembali seperti sedia kala. Kita masih belum menang. Lindung diri, lindung semua.

Sarimah Sabu

#kitajagakita.

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Hj Abd Rahman Mohd Yasin

Dr Wan Fuad Wan Hassan

Ketua Pengarang

Sarimah Sabu

Ahli

Salihaton Rapeah Sharudin

Anis Mardziah Mohd Nazri

Hana Yasmiein Ishak

Mohd Redza Mokhtar

Pereka Grafik

Siti Nur Khadijah Md Yusoff

Al-Fatihah

Da'i Murabbiy Ummat
Tokoh Ilmuwan ABIM



Allahyarham Cikgu Hj.
Ab. Halim Ismail

25 Ogos 2021



Allahyarham Prof. Ustaz
Dato' Dr Sidiq Fadzil

31 Ogos 3021

TOKOH PENDIDIKAN

Puan Rohana Kamaruddin

Rohana Kamaruddin dilahirkan pada tahun 1959 di Ipoh, Perak. Mendapat pendidikan sekolah rendah dan pendidikan menengah rendah di Malim Nawar Perak, dan kemudian di Kolej Tunku Kurshiah (1974-1975). Berdasarkan pencapaian di sekolah, beliau dipilih untuk membuat program matrikulasi di Norwood High School, Adelaide (1976) dan seterusnya mendapat Ijazah pertama dalam Biochemistry & Microbiology daripada University of Adelaide, South Australia (1977-1979) pada umur 20 tahun.

Sekembali ke Malaysia, beliau mengikuti program Diploma Pendidikan Guru di Universiti Malaya (1981). Perlantikan pertama adalah sebagai guru Sains dan Biologi di Sekolah Menengah Sheikh Abdul Ghani, Bidor (1982-1988). Setelah berpindah ke Bandar Baru Bangi, beliau bertugas di SM Sg Pelek (1988) dan SMKA Maahad Hamidah (1988-2002). Sepanjang karier di sekolah, beliau telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang KPM (2000) dan Guru Cemerlang Akademik SM daerah Hulu Langat (2001).

Beliau telah mengikuti program Diploma Pendidikan Islam UKM pada tahun 1993 dan program Sarjana Pendidikan UKM (2002-2004). Beliau mula bertugas sebagai Pensyarah Kanan IPG Kampus Ilmu Khas (dulunya Maktab Perguruan Ilmu Khas) pada tahun 2004 dan mendapat Sijil Perkhidmatan Cemerlang KPM (2009). Beliau terlibat dalam Workshop to Develop a Teacher Toolkit on a Shared ASEAN Identity in Support of ASEAN Vision 2015 oleh SEAMEO INNOTECH di Manila bersama dengan 9 wakil negara Asia Tenggara. Pada tahun 2010, beliau dilantik sebagai Timbalan

Pengarah IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur (2013-2016).

Selepas bersara pada tahun 2016, beliau memberi khidmat di Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) ABIM sebagai Pengarah Latihan (2017-2020) dan seterusnya sebagai Pembimbing AI Hikmah sehingga kini. Kepakaran dan pengalaman selama 34 tahun dalam bidang pendidikan, kurikulum, pengkajian pendidikan sains Islam dan dalam pengurusan kepimpinan menjadi kekuatan untuk terus menyumbang di YTP.


Perkenalan pertama beliau kepada ABIM bermula dengan program ABIM untuk pelajar-pelajar luar negara pada tahun 1977 oleh Yayasan Anda di mana saudara Anwar Ibrahim merupakan Pengetua ketika itu. Beliau aktif di universiti dalam pimpinan wanita di bawah Australian Federation Muslims Student Association dan terlibat menganjurkan konvensyen antarabangsa dan juga bergiat dalam kelas-kelas untuk Muslim minoriti di Adelaide. Sekembali ke Malaysia, beliau bergiat aktif dalam usrah, terutamanya usrah HELWA ABIM Bandar Baru Bangi.

Minat beliau dalam kajian dan pelaksanaan islamisasi sains di sekolah menyebabkan beliau memilih kajian kes "Kesepaduan ilmu wahyu dan aqli dalam proses pengajaran dan pembelajaran Biologi" sebagai tajuk tesis Sarjana Pendidikan UKM (2004). Beliau turut membenteng kertas kerja di persidangan lokal dan antarabangsa dalam islamisasi ilmu sains Biologi (2002-2010), antaranya International Seminar Al-Quran Al-Karim in the era of Globalisation, di Brunei Darussalam (2013).

Beliau menyahut cabaran dan saranan Dato Dr. Siddiq Fadzil untuk melaksanakan pendidikan karakter berasaskan nilai dan bersama pasukan YTP dan



menterjemah Falsafah Pendidikan Al-Hikmah ke dalam pengajaran dan pembelajaran kelas dalam pendidikan kompetensi karakter Al-Hikmah. Buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Al-Hikmah yang dilancarkan dalam Konvensyen Pendidikan Al-Hikmah ke-3 (2018) merupakan kesinambungan kepada Pendidikan Al-Hikmah dan kaderisasi keABIMan dalam Konvensyen Pendidikan Al-Hikmah 1 (2015) dan ke-2 (2017). Selepas kajian rintis (Jurnal Pendidikan Islam Jil.23, Jun-Dis 2020), pemurnian dibuat dan buku Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah: Pendidikan Karakter Berasaskan Nilai (2020) diterbitkan sebagai panduan kepada guru-guru di SEMI, SERI, SRI KAFA ABIM dan TASKI ABIM. Usaha diteruskan untuk menggubal kurikulum dan pentaksiran Al-Hikmah untuk subjek diniyah bagi SERI dan SRI KAFA ABIM, inshaAllah.





Pendidikan karakter merupakan satu mod alternatif untuk membawa pengajaran dan pembelajaran ke matlamat tauhidik dengan pembinaan karakter Quranik yang dinamik. Ia merupakan satu usaha berterusan dalam proses Islamisasi ilmu dalam pendidikan di sekolah bagi melahirkan pelajar seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah, iaitu melahirkan hamba Allah dan khalifah Allah yang beramal soleh dengan peribadi rabbani.

Dengan berasaskan pemikiran Dato Siddiq Fadzil dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah dan 14 nilai Al-Hikmah dari Surah Luqman ayat 12-19, beliau telah menyarankan ke arah pendidikan karakter berasaskan nilai. Permasalahan dikotomi dalam mata pelajaran akademik dan diniyah dilihat masih wujud di sekolah swasta Islam, sama ada dalam kurikulum, pengajaran dan pembelajaran. Hal ini memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran. Pendidikan karakter dilihat sebagai serampang dua mata dalam memberikan fokus kepada kemenjadian karakter murid. Ia juga satu penyelesaian praktikal dalam matlamat kesepaduan ilmu kurikulum kebangsaan dan kurikulum diniyah. Pendidikan berteraskan ilmu dan hikmah dituntas untuk melahirkan kompetensi karakter yang boleh membuat perubahan kepada diri dan masyarakat dalam konteks amal soleh.

Pendidikan karakter berasaskan nilai bersandarkan kepada 9 kompetensi karakter Al-Hikmah. Modul kompetensi Al-Hikmah meletakkan kompetensi

Pendidikan Karakter

Satu Anjakan dalam Pendidikan Al-Hikmah

karakter dalam hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Pelaksanaan modul adalah dalam mod kesepaduan ilmu, iaitu kesepaduan ilmu dengan nilai tauhidik Al-Hikmah, antara disiplin ilmu akademik dan diniyah, antara dalil naqli dan aqli dan antara ilmu dan amal salih. Natijahnya, ilmu berserta hikmah memberi makna dalam menghubungkan ilmu kepada kerelevanan, aplikasi dan tujuan dalam konteks amal soleh.

Pendidikan inovatif dan kemahiran pemikiran aras tinggi diaplikasikan dalam membawa pemikiran kritis, kreatif, kolaboratif dan komunikasi ke arah mengangkat ilmu dan hikmah dalam mengaktualisasikan keinsanan secara menyeluruh, seimbang dan terpadu dalam pembinaan karakter ulul-albab. Hal ini secara keseluruhannya mengubah perspektif dan tujuan pengajaran dan pembelajaran dalam ilmu akademik mahupun diniyah. Guru-guru yang mengajar matapelajaran diniyah, di SERI ABIM ataupun di SRI KAFA ABIM, perlu meletakkan fokus kepada matlamat kompetensi Al-Hikmah secara khususnya. Secara amnya ia membawa ke arah melahirkan karakter rabbani sebagai hamba Allah dan khalifah Allah yang soleh.

Pendidikan karakter mendesak agar ada perubahan dalam pedagogi guru kepada amal praktis, amalan dan penghayatan ilmu dalam membina karakter murid. Guru disarankan melaksanakan pedagogi yang boleh mengangkat kepada amalan dalam kehidupan secara progresif dan dinamik. Ia membawa guru untuk menilai kaedah tadabbur dalam pendidikan al-Quran bagi mengangkat ilmu

kepada amal soleh dalam kehidupan berserta kemahiran asas membaca, menghafaz, menulis, memahami dan menghayati al Quran (prinsip 5M- Abdul Halim Muhammad). Guru memberi fokus kepada karakter yang ingin diteladani dan penghayatan daripada ilmu al-Quran, hadith, sirah, akhlak, akidah dan ibadah. Pendidikan kompetensi kepimpinan meletakkan fokus kepada aplikasi dan amalan dalam mengurus diri, insan dan juga alam. Pengurusan alam diangkat kepada aplikasi ilmu dalam aspek pendidikan alam sekitar dalam konteks amal soleh, iaitu penghijauan, pelestarian serta aplikasi prinsip pengurangan, guna semula, kitar semula dan cipta semula.

Bagi menjayakan aspirasi ini perubahan paradigma guru, perubahan aspek latihan ikhtisas guru dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran, serta perubahan dalam modaliti, dan pengurusan sekolah dan sumber manusia memerlukan perancangan teliti dengan iltizam dan istiqamah bagi semua dalam jemaah ABIM. Generasi muslim yang ingin dilahirkan adalah generasi Y yang perlu diangkat dengan karakter jati diri Islam yang dinamik yang bersifat kritis, membina dan progresif, boleh membuat perubahan dan adaptasi tinggi terhadap perubahan masa kini, dan dapat menyelesaikan masalah ummah. Pendidikan akademik mahupun diniyah perlu diangkat kepada memahami hakikat kebesaran Allah serta tanggungjawab dan amanah yang relevan dan kontekstual dalam masyarakat. Pendidikan perlu berada pada tahap mengubah pengajaran dan pembelajaran guru di lapangan, dan bukan setakat wacana intelektual sahaja.

Kajian rintis, kajian tindakan guru, kajian kes di lapangan perlu terus dibudayakan oleh organisasi pendidikan jemaah ABIM bagi memantapkan pendidikan karakter agar aspirasi yang didukung dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah tercapai, inshaAllah

Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah

Wabak virus corona (CoVid-19) yang melanda dunia telah menyebabkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) menjadi pilihan utama berbanding pembelajaran secara bersemuka di sekolah terutamanya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Walaupun dilihat saban hari di muka akhbar mengenai cabaran pelaksanaan PdPR yang dihadapi oleh para guru, ibu bapa dan murid, ianya tetap terus dilaksanakan dengan perlu adanya kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Bekerja dari rumah merupakan norma baharu buat para guru serta kebanyakan ibu bapa. Jika sebelum ini, guru-guru dan ibu bapa tidak perlu menguruskan pengajian anak-anak mereka sewaktu sekolah dibuka, kini guru-guru dan ibu bapa perlu masuk campur segala urusan yang melibatkan pengajian dan pembelajaran anak-anak mereka.

Sepanjang tempoh PdPR dilaksanakan bermula dari 14 Jun 2021 sehingga 16 Julai 2021, kehadiran murid di hampir semua cawangan Sekolah Rendah Islam (SRI) Ummah Bandar Baru Bangi dilihat positif berbanding kehadiran sebelum cuti persekolahan pertengahan penggal pertama.

Menurut beberapa orang guru, kehadiran murid dalam kelas atas talian dilihat meningkat dan konsisten setiap hari apabila kelas atas talian yang dilaksanakan menggunakan platform media pembelajaran yang konsisten seperti Google Meet. Terdapat juga guru yang melaksanakan kelas secara luar talian seperti memberi tugas melalui Whatsapp dan Telegram sekiranya terdapat kekangan yang berlaku. Selain itu, penetapan dan pemakluman waktu kelas dimulakan juga memainkan peranan yang penting sepanjang tempoh pelaksanaan PdPR.

Kepelbagaian media pembelajaran seperti Quizizz, Jigsaw, dan Google Form dapat

digunakan untuk aktiviti pengukuhan, manakala Microsoft Powerpoint, Google Slides dan Microsoft Whiteboard dapat diguna pakai semasa pengajaran guru terhadap murid.

SRI Ummah telah melaksanakan PdPR dengan menyediakan jadual waktu harian dengan memaksimumkan dua subjek sehari, dengan masa selama sejam untuk setiap kelas. Hal ini dapat mengurangkan masalah pertindihan masa belajar buat murid yang mempunyai ramai adik-beradik.


Di samping itu, penggunaan buku teks, buku tulis dan buku aktiviti adalah semaksimum mungkin. Murid-murid tidak perlu mencetak (print out) kertas latihan, ini kerana mengambil kira tidak semua keluarga mempunyai mesin pencetak (printer) di rumah. Segala latihan hendaklah berpandukan buku teks dan buku aktiviti yang diguna oleh murid-murid. Bagi para guru yang mencipta Google Classroom bagi kelas mereka, guru-guru tersebut akan memasukkan rakaman

pembelajaran serta bahan-bahan seperti PowerPoint dan nota-nota yang dibuat ke dalam Google Classroom agar murid-murid dapat merujuk semula jika mereka tidak dapat menghadiri kelas yang dijalankan.


Pada 16 Julai 2021 yang lalu, Menteri Pendidikan, Dr Mohd Radzi Md Jidin telah memaklumkan bahawa PdPR akan diteruskan sehingga 31 Ogos 2021. Kini disambung hingga 3 Oktober 2021. Besar harapan pihak SRI Ummah Bandar Baru Bangi agar setiap guru, murid dan ibu bapa dapat terus bersemangat, positif serta memberi kerjasama yang penuh dalam memastikan PdPR dapat terus dilakukan sebelum pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Semoga PdPR dalam pandemik sebegini dapat membuka mata semua pihak dalam diri setiap anak adalah penting dan perlu terus berjalan agar anak-anak tidak terus ketinggalan terutama permata generasi abad ke-21.

Anis Mardziah


Antara aplikasi PdPR yang digunakan



Quizizz grouping



Quizwhizzer



Microsoft Whiteboard



Powerpoint

Peperiksaan Dalam Norma Baharu

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi seluruh penduduk dunia angkara ancaman Covid-19. Semua sektor terkesan termasuklah sektor pendidikan yang menghadapi masalah yang sangat besar dalam merealisasikan misi dan visi. Kaedah dalam talian digunakan secara total dalam pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan sistem ujian dan peperiksaan. Ianya juga telah mengalami perubahan.

Pada 26 Julai hingga 2 Ogos 2021 SRI Ummah telah menjalankan Peperiksaan Pertengahan Tahun (bertulis) bagi murid tahun 6. Begitu juga bagi murid tahun 1-5 yang diadakan pada 23 Ogos hingga 1 September 2021.

Pihak sekolah telah menetapkan prosedur operasi perjalanan peperiksaan bertulis ini. Kertas soalan diedarkan kepada murid lebih awal. Semasa



peperiksaan berlangsung, guru kelas memantau murid-murid menerusi aplikasi Google Meet. Ibu bapa diminta menyerahkan semula kertas jawapan pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk disemak oleh guru mata

pelajaran. Dalam situasi ini, kejujuran daripada pihak ibu bapa dan murid amat perlu untuk menilai tahap pencapaian murid yang sebenar agar ia boleh diperbaiki dan dipertingkatkan pada masa akan datang. Namun begitu, pihak sekolah akan sentiasa berusaha untuk menambahbaik kaedah pengajaran dan pembelajaran serta ujian dan penilaian di SRI UMMAH ke arah yang lebih berkesan dan sistematik.

Tahniah dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua pihak atas kerjasama yang telah diberikan untuk memastikan Peperiksaan Pertengahan Tahun dilaksanakan dengan jayanya.

Salihaton Rapeah



Pengalaman guru 25 tahun Ustazah Munirah Abdul Wahab

Pengalaman kursus perguruan ABIM membawa saya ke alam pendidikan yang sebenar.

Tiga tahun kemudian saya telah bertemu jodoh dengan Mohammad Faizal Zoll Patah, seorang Penolong Pengurus di Jabatan Sumber Manusia PLUS Berhad. Kami dikurniakan 3 orang cahayamata, 2 lelaki dan 1 perempuan.

Pada tahun 1998 saya ditugaskan mengajar di SRI Ummah Al-Kauthar, Seksyen 4, hingga tahun 2004. Pada tahun 2005 saya telah diamanahkan oleh pihak pengurusan sebagai Guru Kanan di SRI Ummah Bangi Perdana. Saya menerima tugas itu dengan sebaiknya. Sememangnya berat tugas yang diamanahkan kepada saya. Selain mengajar, banyak perkara yang perlu diuruskan demi memartabatkan SRI Ummah Bangi Perdana dalam pelbagai aspek. Atas sokongan rakan-rakan guru (*cawangan ini pernah mempunyai seramai 16 orang

menempuhi segala cabaran dengan sebaiknya. Pelbagai peristiwa pahit dan manis yang kami lalui dan alhamdulillah semuanya menjadi pengajaran dan menambahkan pengalaman kami dalam mendidik anak-anak di sini. Bagi saya, apa yang penting seorang guru semestinya memiliki sifat kesabaran dan kecekalan yg tinggi selain perlu mempunyai ilmu. Perlu bekerja dalam satu kumpulan dan kerjasama yang kukuh untuk memastikan setiap guru bertanggungjawab penuh terhadap pelajar-pelajar mereka. Pengalaman yang sangat manis, di mana kami dapat mengawasi murid seramai 600 orang.

Selain mengajar, di SRI Ummah juga ada aktiviti usrah bersama guru-guru. Dengan adanya usrah, guru-guru dapat bertukar pendapat dan berbincang hal berkaitan ilmu agama. Secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Munirah Abdul Wahab

Pada penghujung tahun 1994 bermulalah perjalanan kerjaya saya sebagai seorang guru di Tahfiz ABIM yang kini dikenali sebagai SRI Ummah. Saya telah ditugaskan mengajar di SRI Ummah Damai, Seksyen 2. Mulanya saya beranggapan kerjaya sebagai seorang guru adalah mudah kerana diberi cuti yang panjang, masa kerja yang singkat dan hanya perlu mengajar anak murid. Tapi hakikatnya kerjaya seorang guru sebenarnya amat mencabar. Jika tiada kesabaran dan kecekalan hati pasti tidak akan berjaya untuk mengharungi pelbagai cabaran.



2020-2021



scan me

ANUGERAH KHIDMAT SETIA

Menjadi tradisi SRI Ummah mengadakan Majlis Anugerah Khidmat Setia pada setiap tahun sejak tahun 2013. Anugerah Khidmat Setia ialah anugerah yang diberikan kepada kakitangan untuk menghargai kesetiaan mereka berkhidmat di SRI Ummah-Tafhim Sdn Bhd. Anugerah diberikan mengikut bilangan tahun bertugas di SRI Ummah, iaitu 5, 10, 15, 20, 25 dan 30 tahun.

Pada kebiasaannya majlis ini diadakan bersama sambutan Hari Raya Aidilfitri. Namun begitu, majlis pada tahun 2020 tidak dapat dilangsungkan seperti yang dirancang. Pandemik Covid-19 yang berlaku sejak Mac 2020, berserta arahan kawalan pergerakan oleh kerajaan tidak membenarkan majlis diadakan seperti kebiasaannya. Mengharapkan situasi pandemik pulih pada tahun 2021 ini, pihak pentadbiran merancang beberapa alternatif untuk mengadakan majlis ini, dari majlis yang besar kepada majlis berskala kecil. Menjelang Hari Raya Aidil Adha, situasi Covid-19 masih belum reda. Lembaga pengurusan mengarahkan bahagian pentadbiran agar memberi sijil dan wang anugerah terus kepada semua penerima tanpa sebarang majlis. Namun setelah mendengar keinginan penerima anugerah agar diadakan juga majlis sebagai kenangan peribadi, Bahagian Sumber Manusia dan beberapa orang guru segera merancang majlis norma baharu, iaitu dalam platform Zoom.

Majlis ini diadakan pada Sabtu, 10 Julai 2021, jam 9 pagi. Semua kakitangan dan beberapa ahli lembaga pengurusan hadir meraikan majlis. Diselangi muzik gamelan, majlis tampak meriah walaupun diadakan dalam talian dan tanpa hidangan jamuan makan. Majlis dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Tafhim Sdn Bhd., Hj. Abdul Rahman Mohd Yasin. Kemudian rakaman video ucapan oleh semua penerima anugerah ditayangkan. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar semua penerima anugerah bersama Timbalan Pengerusi Tafhim Sdn Bhd. Majlis tamat pada jam 10 pagi.

Sejumlah 26 kakitangan menerima anugerah khidmat setia bagi tahun 2020 dan 2021.

Hana Yasmein

BILANGAN TAHUN PERKHIDMATAN	NAMA KAKITANGAN	JAWATAN TERKINI
30 tahun	Puan Habibah binti Yaakob	Guru Kanan SRI Ummah An Nur
25 tahun	Puan Hanisah binti Mohd Nor	Guru Kanan SRI Ummah Al Hasanah
	Puan Munirah binti Abdul Wahab	Mantan Guru Kanan SRI Ummah Bangi Perdana
	Puan Sarimah binti Sabu	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
	Puan Norehan binti Bakar	Guru Kanan SRI Ummah Al Amirin
20 tahun	Puan Rohai binti Mohammad	Guru SRI Ummah Ar Raudhah
	Puan Rosafiza binti Mustafa	Guru Kanan SRI Ummah Al Ehsan
	Puan Ashmad binti Abdullah	Guru Kanan SRI Ummah Al Ikhwan
15 tahun	Puan Rozinihaslida binti Mat Jusoh	Guru Kanan SRI Ummah Al Madani
	Puan Norsiha binti Alias	Guru SRI Ummah Al Ikhlas
	Puan Nurul Fauzani binti Dzulkafly	Guru SRI Ummah Al Hasanah
	En Ahmad Fazaruddin bin Abdul Aziz	Pegawai Kewangan
	Puan Norazlin binti Mohamad Noor	Guru Kanan SRI Ummah Al Abrar
5 tahun	Puan Noriol Aznie binti Che Wahab	Guru SRI Ummah Al Amirin
	Puan Arina binti Nasir	Guru SRI Ummah Al Kauthar
	Puan Siti Norzanah binti Ahmad	Guru SRI Ummah Al Ikhwan
	Cik Nor Farhana binti Mustafa	Guru SRI Ummah Ar Raudhah
	Puan Nurul Farhana binti Md Asri	Guru SRI Ummah Al Abrar
	Puan Siti Nadiyah binti Mohamed	Guru SRI Ummah Al Abrar
	Puan Nurul Assyiki binti Nawawi	Guru SRI Ummah Al Umm
	Puan Siti Nur Faezah binti Dzulkifli	Guru SRI Ummah As Sobah
	Cik Nora Adila binti Muhamad	Guru SRI Ummah Bangi Perdana
	Puan Norziha binti Zakaria	Guru SRI Ummah As Sobah
	Cik Fazilah binti Fauzi	Guru Sri Ummah As Sobah
	Puan Siti Nabilah binti Amalludin	Guru SRI Ummah Ar Raudhah
Puan Siti Marsitah binti Abdul Molok	Guru Sri Ummah Al Kauthar	

Kunjungan Pengurusan SRI Ummah Ke Bahagian Pendidikan Islam, JAIS

Ahli Pengurusan Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. BPI diwakili oleh Dr. Mohd Kamal bin Radiman, Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan.

Rombongan ini diketuai oleh Dr. Ab Halim bin Muhammad, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Sekolah. Kunjung hormat ini bertujuan mewujudkan hubungan lebih rapat secara langsung antara pihak pengurusan sekolah dan JAIS selain mengetengahkan beberapa isu sekolah untuk diselesaikan dan ditambahbaik serta bertukar idea dan pandangan sekitar isu

pendidikan. Ustaz Ab Halim menyatakan keterujaan dan rasa bersemangat untuk pihak berwajib berganding bahu dengan institusi pendidikan swasta memperkasa pendidikan khususnya di Selangor.

Turut bersama dalam kunjung hormat ini beberapa Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang lain iaitu Tuan Haji Abd Rahman bin Haji Mohd Yasin, Encik Hammad bin Mohamad Dahalan dan Ustaz Hamizan bin Abdul Karim. BPI turut diwakili oleh Ustaz Azman bin Mohd Lana, Penolong Pengarah Kanan, Unit Pendaftaran Sekolah Islam, Ustaz Mohd Shamsuri bin Sibadar, Penyelia Kanan Unit Pentadbiran dan Pembangunan, Sektor Pentadbiran dan Ustazah Nor Azizah binti Osman, Penolong Pengarah Seksyen Pendaftaran

Sekolah Islam, Unit Pendaftaran Sekolah Islam.

Di akhir majlis Ustaz Ab Halim mengucapkan jutaan terima kasih untuk disampaikan kepada pihak BPI atas kesudian menerima kunjung hormat tersebut. Majlis diakhiri dengan kedua-dua belah pihak saling bertukar cenderahati.

Hamizan Abdul Karim



SKUAD BENDERA PUTIH AGIH DAGING KORBAN

Adab Youth Garage (AYG), Bandar Baru Bangi telah mengadakan majlis korban pada 22 Julai 2021 iaitu pada hari raya Aidiladha yang ketiga. Sebanyak 13 ekor lembu telah disembelih menunaikan niat 91 bahagian untuk peserta melaksanakan ibadah qurban. Ramai daripada ahli Lembaga Pengarah dan keluarga Tafhim Sdn. Bhd. mengambil bahagian. Kesemua lembu telah disembelih mulai tengah malam 12 Zulqaedah 1422 bersamaan 22 Julai 2021 di FAAACP Cattle Farm, Alor Gajah Melaka dan tamat proses penyembelihan pada pukul 6 pagi. Penyembelihan dan melapah dilakukan oleh kumpulan profesional dari ladang ternakan tersebut dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Bersama ahli Persatuan Salwa Malaysia, AYG menamakan kumpulan mereka yang melaksanakan ibadah korban ini sebagai Skwad Bendera Putih. Seramai 25 orang terlibat dalam skuad ini. Dalam kenyataan akhbar pada 22 Julai 2021,

skuad ini telah menggerakkan inisiatif mengagihkan kira-kira 1200 kilogram daging lembu korban kepada 1200 keluarga fakir miskin dan asnaf sempena sambutan Hari Raya Aidiladha menerusi Program Qurban Prihatin AYG. Daging korban ini diagihkan ke enam buah kawasan iaitu PPR Kota Damansara, PPR Hicom, Pangsapuri Desa Mentari, Pangsapuri Rimba Jaya (Padang Jawa), Tanjong Karang dan Bandar Baru Bangi.

Selaku ketua program, Muhammad Nizam Samsudin berkata, selain mengagihkan daging korban, beliau dan pasukannya turut memberi sumbangan barangan memasak daging seperti bihun, rempah sup, sup bunjut, halia, bawang merah dan bawang putih. Bahan-bahan ini diagihkan sekali bagi memudahkan para penerima bantuan untuk terus memasak daging-daging tersebut kerana ada penerima yang tiada peti sejuk untuk menyimpan daging yang diterima. Hasil dari pemerhatian yang dibuat oleh AYG, ramai ahli komuniti yang tinggal

di bandar tidak dapat menikmati daging korban berpunca dari faktor SOP pandemik Covid-19 yang menyebabkan banyak masjid dan surau tidak dapat melaksanakan ibadah korban.

AYG mengharapkan supaya inisiatif ini memberikan sinar kegembiraan buat warga kota yang terkurung dalam perumahan masing-masing kerana tidak dapat balik ke kampung halaman meraikan hari lebaran bersama keluarga tercinta.



Covid-19: Kesan Ekonomi dan Santunan SRI Ummah

Sudah lebih setahun setengah kita berhadapan dengan keadaan yang tidak menentu akibat pandemik Covid-19 ini. Pertempuran antara manusia dan makhluk seni ini masih berlangsung, seolah-olah tiada pihak yang mahu mengalah namun sumber berita terbaru menyatakan keadaan di hospital sudah mula menampakkan sinar.

Kesan signifikan pandemik yang disebabkan virus ini bukan hanya daripada segi kesihatan, namun ianya melibatkan ekonomi, sosial dan politik. Sebagai contoh apabila diperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menghalang daripada penularan virus ini dikalangan orang awam, tidak sedikit yang terjejas pendapatan akibat tidak dibenarkan berniaga dan bekerja. Walau bagaimanapun, apabila kawalan pergerakan dilonggarkan dan sektor ekonomi dibuka, kesan kepada kesihatan awam dilihat berada pada tahap serius dengan kes positif dan kematian yang meningkat.

Menurut artikel yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat puluhan juta manusia akan jatuh pada tahap kemiskinan melampau dan 3.3 billion akan hilang pekerjaan akibat pandemik ini. Di negara ini kita sudah menyaksikan kesan ekonomi apabila banyak perniagaan kecil gulung tikar, pekerja dipotong gaji, diberikan cuti tanpa gaji malah ada yang dibuang kerja. Dunia juga menyaksikan negara-negara yang terkesan pandemik mengalami kerugian berbanding pendapatan tahunan.

Tahun 2020 melihatkan kadar kemiskinan negara meningkat ke paras 8.4%. Perkara ini bermakna graf B40 dan M40 akan ada perubahan, malah mungkin T20 juga terkesan walaupun tidak banyak. Menurut sumber berita pada 18 Jun 2021, lebih 600,000 golongan M40 tergelincir ke B40. Bagi mereka yang menemui jalan buntu, kibaran bendera putih adalah ikhtiar terakhir untuk meletakkan hidangan di atas meja. Golongan peniaga yang tidak layak mendapat bantuan dan tidak dibenarkan untuk beroperasi adalah antara yang terkesan sejak tahun lepas. Walaupun dibenarkan beroperasi pada satu-satu ketika, ketiadaan pelanggan disebabkan kerisauan penularan Covid-19 menyebabkan tiada jualan diperolehi.

Walaupun beberapa pakar menyatakan bahawa kesan ekonomi terhadap negara ini hanyalah bersifat sementara dan ekonomi negara berkembang pada kadar 16.1% pada suku kedua tahun 2021, namun inflasi pula meningkat 4.7%. Sedikit berita baik



pengangguran menurun dari 826,100 pada Mei 2020 kepada 728,100 pada Mei 2021. Walau bagaimanapun, menurut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), tinjauan kementerian itu menunjukkan bahawa kira-kira 580,000 perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) serta Mikro berisiko gulung tikar menjelang Oktober 2021, jika mereka tidak dibenarkan beroperasi pada masa itu. Kesan penutupan perniagaan ini dijangka menyumbang kepada 7 juta pengangguran.

SRI Ummah sendiri merasa kesannya apabila melihat ada ibu bapa terpaksa memberhentikan anak mereka yang terkesan daripada segi ekonomi. Kebanyakan mereka, sama ada diberhentikan kerja, dipotong gaji dan tiada pendapatan akibat penutupan premis pekerjaan. Ada juga pelajar terpaksa menamatkan pengajian kerana kekurangan gajet untuk meneruskan sesi pembelajaran di atas talian selain kesibukan ibu bapa yang tidak dapat memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak, selain masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian. Jelas di sini bahawa kesan terhadap ekonomi adalah berkadar langsung dengan pendidikan.

Satu inisiatif diambil selaras dengan aspirasi Ahli Lembaga Pengarah untuk memastikan tiada keciciran pendidikan disebabkan faktor kewangan, SRI Ummah menyediakan kelonggaran bagi ibu bapa yang terkesan dengan pandemik ini dengan memberi pengurangan yuran. Ibu bapa hanya perlu mengisi borang atas talian yang diberikan guru kelas. Pihak sekolah cuba membantu selagi termampu dan pada masa yang sama memastikan organisasi ini mampu bertahan sehingga berakhirnya pandemik ini.

Tidak ketinggalan juga ada individu mengambil peluang mengutip pahala dengan menaja yuran pengajian pelajar-pelajar yang menghadapi masalah ketika ini. Mungkin satu orang itu tidak mampu membantu 1000 yang lain, namun 1000 orang mampu membantu seseorang yang memerlukan. Sudah tiba masa kita melihat umat Islam yang lain sebagai sebahagian dari tubuh, jika ada anggota yang sakit, maka bahagian badan yang lain juga akan terasa. Semoga dengan asbab kebaikan mampu mengangkat ujian yang sedang melanda dunia.

Mohd Redza Mokhtar

16 Tahun Menabur Bakti



30 Jun 2021 merupakan tarikh terakhir perkhidmatan En. Ahmad Faharuddin bin Abdul Aziz. Beliau yang lebih mesra dipanggil En. Faha mula berkhidmat di SRI Ummah pada 1 April 2006 sebagai penolong kerani kewangan sehingga tahun 2015. Kemudian beliau diberi amanah sebagai pembantu pengetua di samping tugasnya sebagai pegawai kewangan (2016-2018). Beliau juga merupakan pengerusi pertama bagi Kelab Kebajikan Staf dan Kakitangan SRI Ummah (KKSK) yang ditubuhkan pada tahun 2013. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga tahun 2019. Penubuhan KKSK ini merupakan salah satu hasrat beliau untuk menjaga kebajikan staf dan guru-guru. Pembelian dan pengurusan stok buku-buku juga di bawah tanggungjawab beliau. Ketika pihak pentadbiran masih mencari pengganti juruteknik yang sudah berhenti, beliau sendiri menawarkan diri membaikpulih kerosakan di semua premis SRI Ummah. Itulah beliau yang disifatkan seorang yang serba boleh.

Sepanjang berkhidmat di SRI Ummah beliau merupakan seorang yang ringan tulang dan bekerja tidak kira masa serta sanggup menyelesaikan tugasnya hingga lewat malam. Beliau juga salah seorang yang bertungkus lumus menayakan majlis-majlis besar seperti Ihtifal, Khatam Al Quran, Penyampaian hadiah, Anugerah Khidmat Setia, jamuan raya dan hari keluarga. Setelah 16 tahun beliau mencurahkan bakti kepada SRI Ummah, beliau mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan di SRI Ummah dan berehat.

Pada kesempatan ini, SRI Ummah mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti yang telah dicurahkan. Hanya Allah subhanawata'ala sahaja yang dapat membalas segala budi dan bakti En. Faha di SRI Ummah.

Berdayung sampan ke hujung tanjung,
Hendak membeli tikar rotan,
Budi dikenang bakti disanjung,
Kekal subur dalam ingatan.

Angin menderu di bandar Melaka,
Suria pagi menyinari cahaya,
Bidang baru ingin diteroka,
Doa diiringi semoga berjaya.

Maklumbalas pembaca Buletin Edisi Khas 35 tahun

Saya telah membaca keseluruhan kandungan Buletin Khas 2021. Buletin ini mengandungi banyak maklumat yang sangat bernilai dalam banyak aspek yang berkaitan aktiviti SRI Ummah. Tahniah diucapkan kepada SRI Ummah.

*Hj Samian Mohd Ali
Yayasan Takmir Pendidikan*

Amat kurang berita bergambar seperti aktiviti pelajar, guru & pengurusan SRI Ummah.

Disyorkan buletin SRI Ummah mengandungi komposisi kandungan (anggaran 20 halaman) seperti berikut: perutusan ketua editor, artikel khas/pilihan, berita bergambar: aktiviti pelajar, aktiviti guru, aktiviti pengurusan, kolum pengurusan, kolum PdP, laporan kebajikan guru, isu semasa dan iklan/promosi.

Kesimpulannya, komposisi (anggaran) keseluruhan kandungan adalah: 55 peratus teks, 35 peratus gambar dan 10 peratus grafik.

*Hj Mohd. Yunus Aminuddin
Mantan Pengerusi Lembaga Yayasan Takmir Pendidikan*

Keseluruhannya memuaskan. Cuma perlu pastikan untuk keluaran akan datang, susun atur kandungan perlu lebih padat, semua ruangan digunakan secara maksima

*Ustaz Azid Kadir
Mantan Guru Besar SRI Ummah*

Respon sidang pengarang

Terima kasih kami ucapkan kepada pembaca yang sudi memberikan komen membina. Menjawab komen tentang amat kurang berita bergambar aktiviti SRI Ummah, bahagian sekolah sememangnya terkecang untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang telah dirancang dalam tempoh PKP. Kebanyakan aktiviti mula digerakkan semenjak Julai 2020 secara dalam talian. Akan kami ambil perhatian dan tindakan atas komen-komen yang diterima.

SAMBUTAN 50 TAHUN ABIM



Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah merayakan sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke-50 pada 3-7 Ogos 2021. Segala sambutan dibuat secara maya melalui aplikasi Zoom dan boleh juga dicapai melalui aplikasi dalam talian yang lain iaitu Facebook dan Youtube. Acara yang dijalankan serta sambutan peserta atau pautan secara maya yang terlibat amat menggalakkan. Berikut diperincikan analisis sambutan serta pautan melalui Zoom, Facebook (FB) dan Youtube (YT) sehingga petang 10 Ogos 2021 terhadap program sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 ABIM, seperti yang dilaporkan oleh Setiausaha Agung ABIM, Muhamad Fazril Salleh.

Berasaskan catatan di atas, jelas menunjukkan bahawa ABIM lebih dikenali sekarang dan lebih mudah dicapai maklumat mengenai aktiviti dan isu-isu yang diperjuangkan. Engagement yang dijalankan oleh ABIM selama beberapa tahun mutakhir dalam bidang dakwah dan tarbiah serta kesukarelawanan dalam isu kemanusiaan, alam sekitar dan dialog umum telah menghasilkan kesan yang amat positif. Sambutan dan ucapan tahniah datang mencurahkan dari pelbagai pihak, terutamanya badan bukan kerajaan (NGO) dari dalam dan luar negeri.

Majlis Usrah Perdana dan Malam Puisi Memorabilia merupakan program yang mendapat perhatian peserta di luar jamaah WADAH, ABIM dan PKPIM (WAP); manakala program yang lain lebih menumpu kepada ahli jamaah WAP. Usrah Perdana dipengerusikan oleh Muhamad Fazril Salleh, Setiausaha Agung ABIM. Majlis ini dimulakan dengan bacaan doa ma'thurat kubra dan ucapan apresiasi oleh mereka yang pernah memegang jawatan presiden ABIM dan wakil

TENTATIF PROGRAM

● Selasa Malam, 03 Ogos 2021

**USRAH GABUNGAN ABIM
"TERIMA KASIH ABIM:
GERAKAN ILMU DAN BUDI"**
Zoom: 141 peserta; FB: 583
pautan; YT: 96 pautan

● Khamis Malam, 05 Ogos 2021

**MUNAJAT DAN DOA
SELAMAT: TASYAKUR
SEPARUH ABAD ABIM**
Zoom: 226 peserta; FB: 559
pautan; YT: 142 pautan

● Jumaat Pagi, 06 Ogos 2021

**USRAH PERDANA DAN
SAMBUTAN HARI ULANG
TAHUN KE-50 ABIM**
Zoom: 449 peserta; FB:
30,000 pautan; YT: 325 pautan

● Jumaat Malam, 06 Ogos 2021

**WACANA KHAS GERAKAN
ISLAM DAN MASYARAKAT
MUSLIM**
Zoom: 165 peserta;
Facebook: 586 pautan; YT:
301 pautan

● Sabtu Pagi, 07 Ogos 2021

**WACANA NUSA BANGKIT,
MARTABAT RAKYAT DAN
PENGUTUHAN BANGSA
MALAYSIA**
Zoom: 101; FB: 5,000 pautan;
YT: 113 pautan

● Sabtu Malam, 07 Ogos 2021

**MALAM PUISI MEMORABILIA
SEPARUH ABAD GERAKAN
ISLAM**
Zoom: 140 peserta; FB: 5,800
pautan; YT: 163 pautan

agensi di bawah ABIM. Memulakan ucapan ialah Mohd. Faisal Abd. Aziz, Presiden ABIM semasa, diikuti oleh Ust. Dr Razali Nawawi, Presiden pertama, YB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden kedua, Dato' Fauzi Abdul Rahman mewakili JK Penaja ABIM, Datuk Dr. Muhammad Nur Manuty, Presiden keempat dan Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden kelima, yang berucap dari Islamabad, Pakistan, kerana menghadiri Mesyuarat Misi Kemanusiaan OIC. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan apresiasi Dr. Muhamad Razak Idris, Presiden ketujuh, Tn Hj. Amidi Datok Abdul Manan, Presiden kelapan, Tn Hj Raimi Abd. Rahim, Presiden kesembilan dan wakil agensi yang terdiri daripada Dr Salmijah Surip, Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Dar Al Hikmah, Saudara Mohd. Azman Salleh, Pengurus Besar Koperasi Belia Islam dan Tn Hj. Musleh Yunus, Ketua Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan. Dua mantan pimpinan yang keuzuran tidak dapat turut serta dalam majlis ini ialah Datuk Dr. Siddiq Fadzil, Presiden yang ketiga dan Dr. Yusri Mohamad, Presiden keenam.

Pada Malam Puisi Memorabilia Separuh Abad Gerakan Islam, seramai 19 orang pemuisi telah membacakan puisi masing-masing. Seramai tujuh pemuisi terdiri daripada bukan Melayu. Pemuisi yang telah mendeklamasikan sajak masing-masing ialah Prof Datuk Dr Awang Sariyan, Hj Nik Yusof Nik Ismail, Nathaniel Tan, Debbie Chow, Pyan Habib, Harlym Yeo, Hasni Abas, Harmit Singh, Borneo Menggugat, Yong Bazilah, Ku Aminah Ku Mat, Chua Shang Hang, Harinder Kaur, Nur Adillah Omar, Khairul Arifin Mohd Munir, MS Effendi, Ustaz Hasri Harun, Lim Hong Siang dan Prof. Dr. Mohamad Fauzan Noordin.



Sekolah Rendah Islam Ummah
Bandar Baru Bangi

PENDAFTARAN 2022 DIBUKA!



- Kurikulum JAIS, JAKIM, dan ABIM
- Anugerah Sekolah **Terbaik** JAIS dan ABIM
- Anugerah Pelajar **Terbaik** PSRA dan SPRA
- **13 Cawangan** di Bandar Baru Bangi
- Ditubuhkan sejak **1985**
- Dahulu dikenali sebagai **Kelas Tahfiz Ummah**

**PENDAFTARAN
SECARA ONLINE
INFO
DI FACEBOOK**



Pertanyaan di  Sekolah Rendah Islam
Ummah Bandar Baru Bangi

**DAPATKAN
SEKARANG!**



*Melakar
Kejayaan*

Karya: Abd. Rahman Mohd Yasin

RM20

TAKWIM SRI UMMAH JUN-NOVEMBER 2021

Dilaksanakan secara maya

Tarikh	Perkara
08-12/06/2021	Kursus Re-Skilling: Digital Skill For Knowledge Workers (YTP)
15/06/2021	Mesyuarat Pentadbiran Sekolah Kali Ke-79
16/06/2021	Taklimat Pembatalan PSRA (UPI, PAIDHL)
18/06/2021	Taklimat Umum Standard Kualiti Pengurusan JAIS (UPI, PAIDHL)
19/06/2021	Program Memberdaya Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah (YTP)
24/06/2021	Taklimat Pendaftaran SIS/Persendirian (UPI, PAIDHL)
25/06/2021	Taklimat Pbd Jais (UPI, PAIDHL)
25/06/2021	Usrah Gabungan: Hikmah Covid Dan PKP (KKS)
26/06/2021	Bengkel 1 Pemetaan Al-Hikmah (YTP)
03/07/2021	Kursus Ejaan Jawi + Kursus 30 Jam
10/07/2021	Hari Anugerah Khidmat Setia
17/07/2021	Webinar Siri 1 PBS SPRA (YTP)
26/07/2021	Taklimat Kemasukan Tingkatan 1 JAIS (UPI, PAIDHL)
26/07-02/08/2021	PPT Darjah 6 (Pentaksiran PSRA)
31/07/2021	Kursus 30 Jam: Penyediaan RPH
07/08/2021	Kursus 30 Jam: Teknologi Pendidikan
07/08/2021	Bengkel PPI Pemetaan Al-Hikmah (YTP)
14/08/2021	Kursus 30 Jam: Kaedah Bacaan, Hafazan & Qiraati
23/08-01/09/2021	PPT Darjah 1-5 & Percubaan PSRA Darjah 6
28/09/2021	Bengkel RPH Al-Hikmah (YTP)
05/09/2021	Seminar UPKK -Guru
6-10/9/2021	Percubaan UPKK Thn 5&6
11-19/9/2021	Cuti Sekolah Penggal Kedua
25/09/2021	Kursus Guru Baru
4-7/10/2021	Peperiksaan UPKK Thn 5 & 6
22-26/11/2021	Peperiksaan Akhir Tahun